

Awani Rangers

2 Januari 2018

[http://www.astroawani.com/berita-malaysia/larian-semangat-konservasi-alam-sekitar-164531?\\_ga=2.172492583.566629082.1518309575-1049841800.1518309574](http://www.astroawani.com/berita-malaysia/larian-semangat-konservasi-alam-sekitar-164531?_ga=2.172492583.566629082.1518309575-1049841800.1518309574)

### LARIAN SEMANGAT KONSERVASI ALAM SEKITAR

Awani Rangers UTHM, AstroAwani | Diterbitkan pada Januari 02, 2018 22:04 MYT

Facebook Twitter Email Google whatsapp icon

Lariansemangatkonservasialamsekitar

Ratusan peserta yang membanjiri lokasi perasmian program iaitu Stadium Gunasama Hub Pendidikan Tinggi Pagoh - Foto AWANI Rangers UTHM

PAGOH: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan larian yang 'Run For The Wild UTHM' (RFTW) di Hub Pendidikan Tinggi Pagoh yang diinspirasi dari program dianjurkan World Conservation Society (WCS) Malaysia.



Tujuan utama larian yang diadakan pada 16 Disember 2017 adalah untuk memupuk kesedaran dan semangat konservasi hidup liar dalam kalangan peserta TN50 yang

terdiridari padamahasiswa pelbagai program dari Hub Pendidikan Tinggi Pago termasuk masyarakat setempat.

Ia bertujuan memupuk pemahaman mengenai konservasi hidupan liar

Malaysia telah dikategorikan sebagai salah satu dari 17 negara megabiodiversiti di dunia sejak tahun 1998 oleh badan antarabangsa, Conservation International iaitu membawakan maksud, sebuah negara yang kaya dengan kepelbagai antarabangsa, haiwan, serangga dan sebagainya.

Dalam masa yang sama, tekanan yang dihadapi oleh hidupan liar di negara ini semakin meningkat disebabkan pelbagai faktor, antaranya kerosakan habitat, penggunaan dan pembangunan secara tidak wajar, spesies invasif, perubahan iklim serta banyak lagi.

Tidak dinafikan, pelbagai usaha telah dilakukan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang dikawal serta oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Semenanjung Malaysia.

Di Sabah pula, tugas ini digalas oleh Jabatan Hidupan Liar Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah dan Taman-Taman Sabah. Manakala Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC), Jabatan Perhutanan Sarawak serta beberapa agensi lain memainkan fungsi serupa di Sarawak.

Entah di manasila pnya pembangunan polisi, peraturan serta undang-undang seolah-olah terasing daripada masyarakat, kerana kesedaran mengenai bahaya, kadar penurunan populasi, kepupusan dan sebagainya masih mentah di minda masyarakat Malaysia.

Dengan harapan agar masyarakat lebih cakna mengenai isu-isu ini, larian RFTW UTHM itu dimulakan dengan imikdarimahasiswa Program Sarjana Muda (Kepelbagai Biologi dan Pemuliharaan) UTHM bagi mengetengahkan empat isu utama yang berkait rapat dengan masyarakat iaitu pembalakan, kerosakan habitat, kemalangan melibatkan hidupan liar dan pemerdayaan hidupan liar.



Harapannya, masyarakat lebih cakna merusigimik hidupan liar

Ratusan peserta yang membanjiri lokasi perasmian program iaitu Stadium Gunasama Hub Pendidikan Tinggi Pagoh memberikan maklumbalas yang cukup memberangsangkan apabila gagik kemalangan dan pemerdega gangan hidupan liar dilakukan.

Sabahari, kemalangan demi kemalangan hidupan liar tular di laman sosial dan dilaporkan di media seolah-olah tidak jalan penyelesaian.

Inisiatif Jabatan Perhilitan sebelum ini wajarnya jadi pujikera nam dengan jurkansesi dialog bersama para penyelidik serta ahli hak berkepentingan yang terlibat dengan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia semasa Persidangan Biodiversiti Kebangsaan November lalu sekali gus mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi isuk kemalangan melibatkan hidupan liar, terutamanya tapir, gajah, harimau dan lain-lain.

Antara faktor utama berlakunya kemalangan ini ialah pembinaan jalan raya yang memisahkan habitat hidupan liar dan budaya masyarakat Malaysia yang memandu dengan kelajuan yang tinggi.

Walaupun pada masa kini masih banyak kawasan hidupan liar melintasi telah dinaikkan di kawasan-kawasan terpilih, ia masih belum cukup berkesan bagi mengatasinya sebaliknya.

\*Laporan ini disediakan oleh Awani Rangers, Dr. Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) suntingan Suriayati Baharom

\*\*Awani Rangers  
ialah inisiatif Astro Awani bagi menggalakkan pelajar Institut Pengajian Tinggi untuk berkongsi cerita serta mengasikkan bahan berita dan informasi dalam era kewartawanan moden.

\*\*\*Awani Rangers UTHM ialah inisiatif kerjasama strategik Astro Awani dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).